

Seers puji keberanian pelumba

MESKIPUN gagal menempatkan diri dalam kelompok terbaik, para pelumba pasukan negara tetap menampilkan semangat juang yang tinggi pada perlumbaan peringkat terakhir kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi (LTdL) 2011



Le Tour de Langkawi (LTdL) 2011

dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ke Dataran Merdeka, Kuala Lumpur sejauh 104.8 kilometer semalam.

Para pelumba seolah-oleh tidak membantah arahan jurulatih, Graham Seers yang mahu mereka terus berjuang sehingga ke garisan penamat.

"Mereka menamatkan saingan kali ini dengan baik sekali meskipun gagal untuk mengulangi pencapaian tahun lepas iaitu berada di antara 15 pasukan terbaik tetapi sekurang-kurangnya mereka banyak belajar tahun ini," katanya.

Seers berkata, pada perlumbaan peringkat terakhir semalam, Loh Sea Keong tampil hebat, malah memiliki keberanian untuk melakukan pemecahan sehingga ke Dataran Merdeka.

Pelumba kelahiran Kelantan itu juga berjaya menjadi pelumba pertama melintasi garisan di zon pendakian kedua di



SEA KEONG (kiri) antara pelumba negara yang memiliki keberanian untuk melakukan pemecahan semalam.

Puncak Alam.

"Sekurang-kurangnya mereka sudah bersaing dengan pelumba terbaik Asia menjelang Kejohanan Berbasikal Asia (ACC) di Korat, Thailand minggu depan, berikutan penampilan pelumba dari negara Iran, Jepun dan Korea Selatan.

"Selain Sea Keong, saya juga memuji kayuhan terbaik yang diberikan oleh Mohamad Rauf Nur Misbah dan Mohd. Nur Rizuan Zainal, saya gembira melihat peningkatan mereka," katanya.

Pada perlumbaan peringkat terakhir sejauh 104.8 kilometer semalam, Mohd. Nur Rizuan Zainal menamatkan saingan di tempat ke-24, diikuti Mohamad Rauf Nur Misbah (29), manakala Amir Mustafa Rusli (67), Suhardi Hassan (101), Loh Sea Keong (108) dan Ahmad Fakrullah Alias (116) daripada 117 pelumba.

Kedudukan keseluruhan individu pasukan Malaysia pula menyaksikan Amir di tempat ke-51, Rauf (56), Rizuan (76) dan Suhardi (99).

Amir sasar ACC, Jelajah Taiwan

SELEPAS menamatkan tugas pada LTdL 2011, pelumba terbaik pasukan kebangsaan Malaysia, Amir Mustafa Rusli berazam untuk memberikan yang terbaik pada Kejohanan Lumba Basikal Asia (ACC) dan Jelajah Taiwan.

Menurut pelumba kelahiran Terengganu itu, dia berpuas hati dengan kayuhan yang ditampilkan pada LTdL.

Katanya, para pelumba Malaysia telah menjalankan tugas dengan baik sehingga ke peringkat terakhir walaupun tidak mengubah kedudukan pasukan di kedudukan keseluruhan.

"Jadi tumpuan saya selepas ini ialah membuat persiapan untuk ACC di Korat, Thailand bersama pasukan kebangsaan, selepas itu baru saya kembali bersama pasukan saya Drapac Professional Cycling Team untuk Jelajah Taiwan," katanya kepada media selepas tamat perlumbaan semalam.

Jelasnya, dia sudah tidak sabar untuk bersama pasukan benua Australia itu dalam penampilan pertamanya tahun ini tetapi tumpuannya sekarang adalah untuk melakukan sesuatu buat Malaysia di ACC.

Amir menamatkan perlumbaan LTdL 2011 dengan menduduki tempat ke-51 daripada 117 pelumba.

"Kesemua pelumba telah memainkan peranan masing-masing sehingga ke peringkat terakhir hari ini (semalam), saya dan rakan-rakan yang lain mampu menunjukkan peningkatan.

"Aksi mengecewakan pada perlumbaan peringkat keempat dan kelima di Cameron dan Genting Highlands, sedikit mengganggu prestasi dan kedudukan kami seterusnya hanya berpuas hati di tempat ke-21 daripada 23 pasukan yang bertanding," katanya.

Kata Amir, pelumba luar juga seakan

Adiq beri alasan penat punca kegagalan

PAKAR bukit dari pasukan Drapac Professional (DPC), Mohd. Adiq Husainie Othman secara keseluruhan berpuas hati dengan pencapaian pada edisi ke-16 LTdL 2011 yang berakhir semalam.

Biarpun hanya menamatkan saingan di tempat ke-40 dalam kedudukan individu keseluruhan (Jersi Kuning), Adiq telah berjaya menunjukkan prestasi terbaiknya sepanjang pada perlumbaan yang berlangsung



lebih baik.

"Selain itu, pasukan saya sebenarnya agak kepenatan kerana sebelum menyertai perlumbaan ini, mereka semua beraksi pada satu kejohanan di Jepun.

"Begitupun, secara jelasnya saya menerima keputusan tahun ini dengan hati terbuka. Selepas ini saya akan meneruskan aksi bersama pasukan negara pada Kejohanan Lumba Basikal Asia (ACC) di Korat